

Ruj.Kami : PMS/UP/656-2 JLD.2 (26)

Tarikh : 21 Mei 2007

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah

Semua Ketua Jabatan Wilayah Persekutuan Labuan

Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan

Pengarah Jabatan Kerja Raya Sabah

Pengarah Perhutanan Negeri Sabah

Pengarah Pertanian Negeri Sabah

Pengarah Perikanan Negeri Sabah

Pengarah Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak Negeri Sabah

Pengarah Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah

Pengarah Kebajikan Am

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BIL. 4 TAHUN 2007**

JADUAL PEMBUKAAN TENDER PERSEKUTUAN DI SABAH

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa melalui pemerhatian Lembaga Perolehan

Persekutuan Sabah terhadap Kertas Taklimat Tender terdapat beberapa isu berkaitan dengan Jadual Pembukaan Tender Persekutuan di Sabah. Diantara isu tersebut adalah seperti berikut:

- 2.1 Urusetia Tender Jabatan tidak membuat semakan perbandingan diantara Borang Tender dengan Jadual Harga setelah menerima laporan Jadual Pembukaan Tender daripada Jawatan Kuasa Pembuka Tender di Perbendaharaan Malaysia Sabah ; dan
- 2.2 Jawatankuasa Harga dan Jawatankuasa Teknikal Jabatan yang dilantik juga tidak menyemak secara terperinci laporan Jadual Pembukaan Tender Sabah bersama Borang Tender asal.

3. Jasteru adalah diharapkan semua jabatan yang menguruskan tender Persekutuan memastikan bahawa pegawai-pegawai yang bertanggungjawab terhadap urusan tender membuat semakan perbandingan diantara Jadual Pembuka Tender dengan Borang Tender supaya maklumat yang dinyatakan di dalam Kertas Taklimat Tender adalah betul dan tepat serta tidak mengelirukan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

t.t

(MOHD RANI BIN SAUD)

Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah.

Sk Setiausaha Persekutuan Sabah
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Setiausaha Kementerian Kewangan Negeri Sabah